



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Negeri Sabah

Aras 10, Wisma Jabatan Pendidikan Negeri Sabah

Jalan Punai Tanah, Likas

88450 KOTA KINABALU

SABAH

Tel. : 088-537010 Samb. 7236

Fax : 088-310724

Laman Web: jpnsabah.moe.gov.my

E-mel : pengarahjpnssabah@moe.gov.my

Ruj. Kami : JPNSBH.SPM.600-3/2/4 Jld.20(59)
Tarikh : 6 Mei 2024

Puan Norhana Hamim
Pengarah
Jabatan Program
Petrosains, The Discovery Centre
Petrosains Sdn. Bhd.
Level 4, Suria KLCC
PETRONAS Twin Towers
50088 KUALA LUMPUR

Puan,

MAKLUM BALAS PERMOHONAN PENGANJURAN PROGRAM DAN PELIBATAN MURID BAGI PROGRAM PETROSAINS RBTX CHALLENGE 2024 ANJURAN PETROSAINS SDN. BHD.

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan surat Petrosains Sdn. Bhd. bil. PSB/LSC/LD-O/42.2.1/24/039 bertarikh 15 April 2024 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Pendidikan Negeri Sabah (JPNS) melalui Sektor Pembangunan Murid (SPM) telah menerima dan meneliti permohonan penganjuran program di atas daripada pihak puan. Pihak JPNS mengalu-alukan inisiatif agensi kerajaan dan agensi bukan kerajaan dalam membantu membangunkan aktiviti kokurikulum / sukan di negara ini.

3. Sehubungan dengan itu, JPNS mengambil maklum akan permohonan pihak puan serta **tiada halangan** bagi penganjuran program dan penglibatan murid menyertai **Petrosains RBTX Challenge 2024** pada **1 Mei 2024 – 27 Oktober 2024 sahaja**. Surat maklum balas ini perlu dibaca bersama Surat Pekeliling Ikhtisas KPM Bil. 8 / 1995, Bil. 7 / 1988, Bil. 9 / 2004, Bil. 8 / 2009 dan Bil. 5 / 2018 dan Surat Siaran Pengurusan Kokurikulum Bil. 2 / 2010 serta mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN). Perkara yang perlu dipatuhi dalam melaksanakan aktiviti adalah seperti berikut:

- 3.1 Pihak penganjur hendaklah mendapatkan kebenaran secara bertulis daripada pihak Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan sekolah yang berkenaan;
- 3.2 Semua murid terlibat hendaklah mendapat kebenaran dan persetujuan daripada pengetua / Guru Besar sekolah yang terlibat bagi menyertai program ini;

**MAKLUM BALAS PERMOHONAN PENGANJURAN PROGRAM DAN PELIBATAN
MURID BAGI PROGRAM PETROSAINS RBTX CHALLENGE 2024 ANJURAN
PETROSAINS SDN. BHD.**

- 3.3 Penyertaan murid hendaklah secara sukarela dan mendapat kebenaran daripada ibu bapa / penjaga;
- 3.4 Surat ini **tidak boleh** diguna pakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan atau tajaan daripada mana-mana pihak;
- 3.5 Penyertaan murid **tidak mengganggu atau menjejaskan** waktu Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) / program / aktiviti sekolah;
- 3.6 Pihak penganjur hendaklah memberikan maklumat program kepada pihak sekolah supaya boleh dimaklumkan kepada murid yang terlibat;
- 3.7 Pihak penganjur bertanggungjawab menguruskan insurans kemalangan yang bersesuaian dengan aktiviti yang dijalankan, menjaga kesihatan, keselamatan dan kebajikan semua murid yang terlibat dengan program ini;
- 3.8 Tiada implikasi kewangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah, sekolah dan murid yang terlibat (merujuk SPI Bil. 5 / 2018);
- 3.9 Pihak tuan hendaklah bertanggungjawab menanggung semua kos penganjuran program atau aktiviti yang dianjurkan termasuk pengangkutan, makan dan minum; **melainkan mendapat pertimbangan khas daripada Pendaftar;**
- 3.10 Pihak penganjur perlu mengemukakan draf poster / gegantung / hebahan digital / sijil untuk semakan JPNS sebelum diedarkan;
- 3.11 Penggunaan logo KPM tanpa kelulusan adalah tidak dibenarkan. Pihak penganjur perlu mengemukakan permohonan penggunaan logo KPM berserta dokumen lengkap kepada **Unit Komunikasi Korporat selepas mendapat maklum balas / surat sokongan permohonan penganjuran program ini**. Syarat permohonan adalah seperti dalam **Garis Panduan Penggunaan Logo Rasmi Kementerian Pendidikan Malaysia** (https://www.moe.gov.my/muat_turun/multimedia/logo);

MAKLUM BALAS PERMOHONAN PENGANJURAN PROGRAM DAN PELIBATAN MURID BAGI PROGRAM PETROSAINS RBTX CHALLENGE 2024 ANJURAN PETROSAINS SDN. BHD.

- 3.12 Pihak penganjur dimohon memastikan agar penerapan amalan nilai murni dapat dijadikan sebagai salah satu perkara yang wajib dilaksanakan sebelum / semasa / selepas program berlangsung bagi mendokong elemen tadbir urus insan (*Human Governance*) dalam kalangan murid sekolah di bawah KPM (seperti pemupukan integriti, bersikap jujur, amanah, hormat antara satu sama lain, sifat jati diri terpuji, beretika, bertimbang rasa, adab yang baik dan lain-lain);
- 3.13 Bagi tujuan **pengiktirafan program**, pihak penganjur perlu mengemukakan satu salinan laporan program yang dijalankan (format seperti di Lampiran A) kepada Jabatan Pendidikan Negeri Sabah tidak lebih daripada 30 hari selepas tamat program;
- 3.14 Sekiranya sekolah yang diundang mempunyai program pada hari cuti hujung minggu, pihak penganjur perlu memberikan laluan kepada murid yang terlibat untuk mengikuti program sekolah;
- 3.15 Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) amat menitikberatkan penjagaan kebajikan, kesihatan dan keselamatan murid, guru dan anggota kumpulan pelaksana khususnya semasa berhadapan dengan fenomena cuaca panas yang tidak menentu. Pihak penganjur disarankan agar membuat pengubahsuaian tempoh, waktu mula dan waktu tamat acara / aktiviti berdasarkan perubahan cuaca persekitaran atau melaksanakannya di dalam bangunan atau kawasan yang tidak terdedah pada panas terik matahari. Surat Garis Panduan Pelaksanaan Aktiviti Luar Institusi Pendidikan Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia Semasa Cuaca Panas perlulah dibaca dan diambil maklum;
- 3.16 Semua aktiviti air yang melibatkan murid-murid sekolah dalam program ini adalah **TIDAK DIBENARKAN**;
- 3.17 Untuk setiap aktiviti, jika melibatkan aktiviti di luar sekolah, nisbah maksimum adalah **satu (1) orang Guru / Pegawai Pengiring bagi setiap sepuluh (10) orang murid dan mesti ada Guru / Pegawai Pengiring perempuan jika program melibatkan murid perempuan serta mesti ada Guru / Pegawai Pengiring lelaki jika program melibatkan murid lelaki**;

**MAKLUM BALAS PERMOHONAN PENGANJURAN PROGRAM DAN PELIBATAN
MURID BAGI PROGRAM PETROSAINS RBTX CHALLENGE 2024 ANJURAN
PETROSAINS SDN. BHD.**

- 3.18 Pihak pengajur adalah dimohon untuk mengemukakan Surat Setuju Terima (seperti di Lampiran B) kepada pihak JPNS dalam tempoh 14 hari selepas menerima surat maklum balas permohonan bagi mengesahkan persetujuan untuk melaksanakan program; dan
- 3.19 JPNS berhak menarik balik surat kelulusan penganjuran program ini sekiranya pihak pengajur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuat kuasa. Sebarang ketidakakuratan akan memberikan kesan kepada permohonan agensi pada masa akan datang.
4. Surat kebenaran ini hanya untuk **Petrosains Sdn. Bhd.** yang akan menganjurkan **Petrosains RBTX Challenge 2024** pada **1 Mei 2024 – 27 Oktober 2024 sahaja**. Sebarang permohonan kebenaran program baharu hendaklah dikemukakan kepada Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Sabah.
5. Untuk sebarang maklumat lanjut berhubung perkara ini, pihak puan boleh menghubungi Puan Noraliza binti Basri, Penolong Pengarah Unit Kokurikulum, Sektor Pembangunan Murid, Jabatan Pendidikan Negeri Sabah di talian (088-537010 samb. 7220 / 013-5559265).

Perhatian dan kerjasama puan amat dihargai dan diucapkan terima kasih.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(MUDDIN BIN BETING)

Timbalan Pengarah
Sektor Pembangunan Murid
b.p. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Sabah